

Artikel Asli

Sikap Semasa Konflik: Langkah Awal Ke Arah Perceraian?

Liana Mat Nayan¹, Siti Suriani Othman², Afi Roshezry Abu Bakar¹, Audrey Anak John¹, Norazimah Abd Rashid¹, Nor Ez-Zatul Hanani Mohamed Rosli¹

¹ Universiti Tunku Abdul Rahman, Kampar, Malaysia

² Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Malaysia

Progres Artikel

Diterima: 6 Mei 2016

Disemak: 27 Mei 2016

Diterbit: 4 June 2016

*Corresponding Author:
Liana Mat Nayan, Universiti
Tunku Abdul Rahman,
Kampar, Malaysia;
Email: liana@utar.edu.my

Abstrak: Kajian lepas mencadangkan bahawa sikap tertentu yang ditunjukkan oleh individu semasa menguruskan konflik rumahtangga boleh membawa kepada perceraian di awal tahun perkahwinan. Maka, kajian rintis ini dijalankan untuk melihat samada pasangan Melayu-Islam di Kuala Lumpur mengamalkan sikap yang boleh kepada kemusnahan perkahwinan. Secara umumnya, dapat disimpulkan bahawa sikap menjauhkan diri yang membawa kepada pengasingan diri dari konflik atau seseorang dan mungkin melibatkan sikap meninggalkan situasi atau berdiam diri adalah sikap yang sering diamalkan oleh pasangan Melayu-Islam. Namun begitu, dapatlah diandaikan bahawa sikap yang ditunjukkan semasa konflik berlaku bukanlah satu-satunya penentu kepada perceraian, namun mungkin dipengaruhi oleh faktor-faktor lain.

Kata kunci: sikap; konflik; perceraian; Melayu; Islam

Abstract: Previous studies suggest that behaviour presents by the individuals during marital conflict might predict a divorce in the early stage of marriage. Therefore, this exploratory study has been initiated to examine if the Malay-Muslim couples in Kuala Lumpur area posits any destructive behaviors that most often led to a divorce. General findings reveal that withdrawal behaviors entail disengaging from either the conflict itself or person and may include leaving the situation or keeping quiet is the most common among Malay-Muslim couples. Thus, it can be assumed that conflict behavior is not the sole predictor for a divorce among Malay-Muslim couples.

Keywords: behaviour; conflict; divorce; Malay; Islam

Pengenalan

Majoriti agama di dunia menjadikan perkahwinan sebagai satu-satunya cara untuk menyucikan sesuatu perhubungan di antara lelaki dan wanita yang bukan mahram. Kajian oleh Huecker (2014) dalam kalangan penganut Katolik, Protestan, Yahudi, Mormon dan beberapa agama lain, mendapati bahawa agama tetap memainkan peranan besar dalam mempengaruhi pembentukan sikap para remaja terhadap perkahwinan dan kehidupan berkeluarga.

Bagi Islam pula, adalah sangat digalakkan bagi seorang Islam yang telah memenuhi kriteria tertentu seperti kematangan dari segi fizikal, intelektual, emosi dan kerohanian, untuk mereka berkahwin dengan tujuan untuk mengelakkan zina dan melindungi diri dan pasangan dari siksaan api neraka (Manap, Kassim, Hoesni, Nen, Idris & Ghazali, 2013).

Namun, sungguhpun perkahwinan dilihat sebagai sesuatu yang suci, Malaysia yang mempunyai majoriti penduduk beragama Islam, dilihat sedang dilanda perubahan luar biasa dalam kehidupan berkeluarga dan menyaksikan banyak pasangan yang mengakhiri

perkahwinan mereka dengan perceraian (Zainab, Wan-Ibrahim & Asyraf, 2014).

Walau bagaimanapun, menurut Kamarudin (1993) dan Rasul (2008), fenomena ini sebenarnya telah didapati oleh Jones sebagai telah berlaku sejak 1940an lagi dimana perkahwinan orang Melayu-Islam didapati sebagai paling tidak stabil berbanding perkahwinan di kalangan orang bukan Islam, di dalam kajian beliau pada tahun 1980 dan 1981.

Kajian Jones pada 1980 dan 1981 ini adalah antara kajian paling cemerlang dalam menjelaskan tentang perbezaan etnik dan perbezaan daerah/kawasan, kedinamikan perubahan dan beberapa faktor yang saling berkait, sehingga telah mempengaruhi kepada perubahan-perubahan yang berlaku dalam pola-pola perkahwinan dan perceraian (Kamarudin, 1993).

Terkini, seperti yang dilaporkan dalam Malay Mail Online, statistik yang diperolehi oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) menunjukkan bahawa bilangan pasangan Islam yang bercerai telah meningkat dari tahun ke tahun, dimana dari 20,916 kes pada tahun 2004 kepada 47,740 pada tahun 2012, dan seterusnya menjadi 49,311 pada tahun 2013 (Su-Lyn, 2014). Malahan didapati juga, peratusan kes cerai tertinggi adalah di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur (Zainab et al, 2014).

Punca-punca Konflik dalam Perkahwinan

Sebenarnya ramai yang beranggapan bahawa perkahwinan bertindak sebagai medium untuk pembangunan sendiri dan menjadi tanda aras kepada pencapaian kecemerlangan yang tinggi bagi diri seseorang individu. Justeru, perkahwinan yang tidak dapat memenuhi keperluan peribadi ini dengan sebaiknya akan dilihat sebagai gagal, walaupun sebenarnya terdapat banyak lagi kelebihan lain yang boleh diperolehi dari sesebuah perkahwinan (Amato & Hohmann-Marriott, 2007).

Sepertimana yang dinyatakan oleh Igbo, Awopetu dan Ekoja (2015), ketidakmampuan pasangan untuk memenuhi sebahagian atau kesemua kriteria yang diperlukan dalam sesebuah rumahtangga sebenarnya telah turut menyebabkan pasangan menjadi tidak berkeupayaan sehingga akhirnya membawa kepada tercetusnya situasi konflik. Di Nigeria, didapati bahawa konflik rumahtangga biasanya berpunca dari perbezaan yang wujud berkaitan seksualiti, latar belakang kehidupan sebelum berumahtangga, agama, malahan

perbezaan dari segi minat dan nilai yang diamalkan (Igbo et al, 2015).

Manakala, dua punca utama pasangan-pasangan di Mesir didapati berkonflik pula adalah kerana kurangnya masa dihabiskan bersama, dan kurang berkomunikasi (Onsy & Amer, 2014).

Di Amerika, kajian mendapati bahawa pasangan yang berjaya menyelesaikan sepenuhnya hutang-hutang seperti kad kredit dan pinjaman bank akan mengalami peningkatan dalam kebahagiaan berumahtangga. Ini kerana, sepanjang pasangan menanggung hutang, mereka adalah lebih cenderung untuk kurang menghabiskan masa bersama, lebih banyak bertengkar tentang kewangan rumahtangga, dan merasakan bahawa perkahwinan mereka adalah tidak adil (Dew, 2008).

Sikap Semasa Konflik

Sarjana mendapati bahawa perkahwinan yang stabil bukanlah perkahwinan yang digambarkan sebagai tiada konflik atau salah faham, sebaliknya ia adalah perkahwinan dimana pasangan mempunyai keupayaan untuk mengurangkan kekerapan konflik berlaku dan juga mampu mengendalikan konflik-konflik tersebut sehingga tidak menjadi krisis atau lebih serius lagi (Esere, Ake-Yeyeodu & Oladun, 2014).

Menurut Afifi dan Hamrick (2006), terdapat sarjana-sarjana yang menegaskan bahawa bagaimana pasangan berdebat adalah pengukur yang sangat kuat dalam menentukan kualiti hubungan mereka, berbanding dengan perkara yang perdebatkan.

Justeru, sememangnya tidak dapat dinafikan lagi apabila kajian Birditt, Brown, Orbuch dan McIlvane (2010) telah mendapati bahawa sikap-sikap individu semasa menguruskan konflik yang sedang berlaku juga boleh membawa kepada potensi yang tinggi untuk bercerai, terutamanya di awal-awal tahun perkahwinan.

Menerusi kajian tersebut, Birditt et al (2010) telah menyimpulkan bahawa terdapat tiga kategori sikap yang sering ditonjolkan individu semasa konflik berlaku di dalam rumahtangga. Pertama ialah sikap-sikap yang memusnahkan dimana melibatkan reaksi-reaksi negatif secara terbuka terhadap masalah-masalah rumahtangga seperti menjerit, menghina, memarahi, dan menunjukkan penolakan. Sikap yang kedua adalah sikap-sikap yang membina yakni melibatkan reaksi-reaksi positif secara terbuka seperti bercakap perkara-perkara yang baik, membincangkan masalah dengan tenang, dan mendengar secara aktif. Manakala sikap yang terakhir adalah sikap menjauhkan dimana membawa kepada pengasingan diri

dari konflik atau seseorang dan mungkin melibatkan sikap meninggalkan situasi atau berdiam diri.

Ini bererti, untuk memastikan perkahwinan yang berkualiti tetap berterusan, adalah penting bagi setiap pasangan untuk belajar mengamalkan sikap yang bersesuaian dan mungkin juga berbeza bagi pelbagai jenis konflik.

Kajian lepas mencadangkan bahawa kebahagiaan dalam perkahwinan boleh dilihat seperti satu pola berbentuk-U di sepanjang hayat perkahwinan, dimana kebahagiaan menurun di tahun-tahun permulaan sesebuah perkahwinan dan kemudiannya meningkat pada tahun-tahun berikutnya (VanLaningham, Johnson & Amato, 2001).

Hasil yang hampir sama turut diperolehi oleh Umberson, Williams, Powers, Chen dan Campbell (2005) yang mendapati bahawa secara umumnya, kualiti sesebuah perkahwinan akan menurun dari semasa ke semasa.

Di Iran, Daneshpour, Asoodeh, Khalili, Lavasani dan Dadras (2011) melaporkan bahawa 15% perceraian yang didaftarkan berlaku semasa tahun pertama usia perkahwinan. Manakala, 53% dari kes perceraian berlaku pada tahun kelima perkahwinan.

Begitu juga di Singapura dimana statistik bagi tahun 2014, menunjukkan bahawa kadar kes perceraian di kalangan orang Melayu-Islam bagi usia perkahwinan di bawah 5 tahun adalah yang kedua tertinggi, dan kadar kes perceraian tertinggi adalah berlaku di kalangan pasangan yang telah berkahwin sekitar 5 hingga 9 tahun (Singapore Department of Statistics, 2014).

Senario perceraian di awal usia perkahwinan ini sebenarnya boleh dikaitkan dengan beberapa peralihan yang sememangnya tidak dapat dinafikan akan berlaku pada awal usia perkahwinan termasuklah duduk serumah, menjadi ibu/bapa, anak meningkat remaja, berpindah, dan bertukar kerja (Kupperbusch, Levenson & Ebling, 2003).

Malahan seawal tahun 50an lagi, ahli-ahli sosiologi telah merumuskan bahawa kualiti perkahwinan akan menurun berikutan kelahiran anak pertama dan tidak akan memulakan sebarang penambahbaikan selagi anak tidak meninggalkan rumah ibu bapa mereka (Umberson et al, 2005).

Menariknya, Birditt et al (2010) yang mengkaji tentang sikap individu semasa konflik dalam rumahtangga berlaku, telah turut mendapati bahawa pasangan-pasangan suami isteri yang dilaporkan menjerit, menghina, mengkritik, memarahi, dan

menunjukkan penolakan (sikap-sikap semasa konflik yang memusnahkan) mempunyai kadar perceraian paling tinggi pada tahun pertama perkahwinan.

Dan dengan melihat kepada kadar perceraian di Malaysia yang sentiasa meningkat dari tahun ke tahun, persoalan utama yang timbul adalah bagaimanakah sebenarnya sikap yang ditonjolkan oleh para pasangan Melayu-Islam semasa konflik berlaku di awal-awal tahun perkahwinan mereka?

Justeru, kajian ini dijalankan dengan memfokuskan kepada bagaimanakah sikap individu Melayu-Islam ketika mengendalikan konflik di awal-awal tahun usia perkahwinan mereka. Ini kerana diharapkan melalui kajian ini, kaedah mendidik dan mencegah yang bersesuaian boleh diterapkan di awal usia perkahwinan pasangan Melayu-Islam khususnya, dan pasangan bukan Islam amnya, dengan matlamat untuk mengurangkan berlakunya kecenderungan bercerai.

Lebih terperinci, objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti sikap yang ditunjukkan semasa konflik berlaku dalam perkahwinan. Manakala faktor kedua adalah untuk meninjau faktor budaya yang mempengaruhi sikap tersebut. Faktor budaya yang difokuskan dalam kajian ini adalah agama Islam dan budaya Melayu.

Teori Rundingan Air Muka

Teori rundingan air muka adalah salah satu teori yang sering digunakan dalam kajian-kajian berkaitan konflik (Rose, Suppiah & Othman, 2007).

Menurut Myers et al. (2012), teori rundingan air muka adalah teori yang menjelaskan bagaimana individu menggunakan “air muka” dalam usaha untuk mencapai komunikasi yang cemerlang dan berkesan

Idea asal teori ini adalah dengan mengaitkan konsep budaya dengan bagaimana seseorang individu berkomunikasi ketika konflik, dan teori ini menghujahkan bahawa faktor-faktor budaya akan membawa kepada berlakunya perbezaan air muka yang ditunjukkan semasa situasi konflik (Oetzel & Ting-Toomey, 2003).

Justeru, teori ini menyimpulkan terdapat tiga jenis air muka yang sering ditunjukkan iaitu air muka yang berkaitan dengan imej individu itu sendiri, air muka yang berkaitan dengan imej orang lain, dan air muka yang menekankan imej individu itu sendiri dan imej

orang lain yakni menekankan air muka kedua-dua belah pihak (Ting-Toomey, 1988).

Metodologi

Kaedah tinjauan telah dijalankan ke atas 107 individu yang telah berkahwin iaitu 46 lelaki dan 61 perempuan, dan pemilihan sampel dibuat dengan menetapkan beberapa ciri tertentu dan telah melalui tiga tahap pemilihan sebelum diberi borang soal selidik.

Prosedur pemilihan ini direplikasi dari prosedur yang digunakan oleh Kupperbusch, Levenson dan Ebling (2003) tetapi tidak secara keseluruhan kerana mengambilkira matlamat kajian ini yang agak berbeza dengan Kupperbusch et al. Tambahan pula sampel ini memfokuskan dan boleh dianggap sebagai mewakili populasi individu Melayu-Islam yang menetap di Kuala Lumpur semenjak berkahwin.

Pada tahap pertama, ciri responden dari segi etnik, status sosio-ekonomi, dan telah berkahwin, telah dikenalpasti melalui tinjauan menerusi telefon. Responden dimestikan terdiri dari mereka yang perkahwinannya semasa terlibat dalam kajian ini adalah merupakan satu-satunya perkahwinan yang pernah dilalui, iaitu bukan perkahwinan yang mengamalkan poligami, atau pernah bercerai dan perkahwinan sekarang adalah bukan yang pertama. Ini kerana, kajian oleh Whitton, Stanley, Markman dan Johnson (2013) telah menunjukkan bahawa individu yang berkahwin bukan untuk kali pertama adalah cenderung untuk bercerai, kerana jika mereka menghadapi konflik atau tidak bahagia, mereka lebih cenderung untuk mengambil langkah menamatkan perkahwinan. Kecenderungan ini tidak didapati di kalangan mereka yang sedang berada dalam satu-satunya perkahwinan mereka.

Di peringkat pertama ini, pemilihan juga dibuat dimana perkahwinan responden mestilah berusia lima tahun atau ke bawah dimana, jangka masa perkahwinan diukur bermula dari tarikh bernikah sehinggalah tarikh responden terlibat dalam tinjauan ini (Umberson, Williams, Powers, Chen dan Campbell, 2005). Ini kerana, kajian-kajian lepas telah membuktikan perkahwinan yang berusia di sekitar ini mempunyai kecenderungan bercerai yang tinggi dan menghadapi pelbagai jenis konflik yang hanya didapati pada peringkat awal perkahwinan.

Tahap kedua, saiz sampel yang besar telah dikesilkan dengan merujuk kepada jawapan-jawapan yang diberikan semasa di tahap pemilihan peringkat pertama. Di tahap ini, hanya responden yang mempunyai anak lebih dari satu, berpendapatan isi rumah sebanyak

RM3,000 dan ke bawah, dan mempunyai pasangan yang bekerja, dikekalkan sebagai responden. Sebagai tambahan, responden kajian dan pasangannya telah ditetapkan mesti mempunyai pekerjaan tetap samada di sektor kerajaan atau swasta, dan bukannya bekerja sendiri. Ini kerana, trend terkini iaitu pasangan suami isteri yang bekerja telah menunjukkan berlakunya peningkatan tahap konflik dalam keluarga dan di tempat kerja disebabkan suami ataupun isteri cuba untuk menseimbangkan kehidupan berkeluarga dan kerjaya mereka (Tam, Lee, Foo & Lim, 2011).

Manakala di tahap ketiga, responden-responden ini telah dipilih untuk menjawab soal-selidik yang disediakan bagi memenuhi matlamat utama kajian iaitu mengenalpasti bagaimana sikap individu ketika menguruskan konflik yang berlaku di dalam perkahwinan mereka.

Borang soal selidik yang disediakan adalah diubahsuai dari *Thomas-Kilmann Conflict Mode Questionnaire*, dan turut direka dengan mengambilkira sensitiviti para responden yang terdiri dari Melayu-Islam.

Keputusan & Perbincangan

Berdasarkan analisis deskriptif menerusi perisian SPSS, hasil kajian mendapati bahawa majoriti responden sangat tidak bersetuju untuk menunjukkan sikap yang memusnahkan semasa konflik berlaku seperti menjerit, menghina, memarahi, dan menunjukkan penolakan.

Lebih 90% responden merasakan pertengkaran atau pergaduhan di khalayak ramai atau di dalam rumah tetapi boleh didengari oleh jiran-jiran juga adalah sesuatu yang sepatutnya dielakkan.

Namun, yang menariknya hanya sebahagian kecil dari responden yang menunjukkan sikap-sikap yang membina yakni melibatkan reaksi-reaksi positif secara terbuka seperti bercakap perkara-perkara yang baik, membincangkan masalah dengan tenang, dan mendengar secara aktif.

Sebaliknya, 86% dari responden lebih suka bersikap menunggu terlebih dahulu untuk melihat samada persengketaan akan selesai dengan sendirinya sebelum tindakan diambil.

Kecenderungan ini selari dengan sikap semasa konflik iaitu menjauhkan dimana membawa kepada pengasingan diri dari konflik atau seseorang dan mungkin melibatkan sikap meninggalkan situasi atau berdiam diri. Situasi ini memang jelas nyata kerana 96%

dari responden ini memilih untuk melakukan apa sahaja yang perlu untuk mengelakkan ketegangan.

Jelasnya di sini, sebahagian besar responden dalam kajian ini menolak mengamalkan sikap yang memusnahkan semasa konflik berlaku, tetapi memilih untuk mempraktikkan sikap menjauhkan.

Melalui kecenderungan sikap ini, juga dapat disimpulkan bahawa budaya sememangnya mempengaruhi kepada pembentukan sikap tersebut.

Ini kerana pengamalan sikap ini boleh dikaitkan dengan ajaran Islam yakni agama yang dianuti oleh para responden yang sangat menekankan tentang pentingnya menjaga aib/maruah diri dan orang-orang dalam kehidupannya.

Ini ditambah pula dengan amalan budaya Melayu khususnya, dan budaya Malaysia amnya, iaitu budaya menjaga air muka.

Budaya menjaga air muka ini juga adalah sangat relevan untuk dikaitkan dengan teori rundingan air muka (Ting-Tommey, 1988) iaitu teori yang merumuskan tentang tiga jenis air muka yang perlu dititikberatkan: pertama adalah air muka sendiri yakni berkaitan dengan imej individu itu sendiri; air muka kedua adalah berkenaan imej orang lain; dan air muka ketiga yang menekankan imej kedua-dua belah pihak.

Justeru, hasil kajian ini dapat mengandaikan bahawa majoriti responden memilih untuk tidak bersikap memusnahkan dan sebaliknya bersikap menjauhkan adalah dengan tujuan untuk menjaga air muka sendiri dan air muka pasangan.

Hasil kajian ini adalah selaras dengan dapatan Oetzel dan Ting-Toomey (2003) yang menyatakan bahawa menjaga air muka orang lain mempunyai perkaitan positif dengan sikap menjauhkan dan membina.

Kesimpulan

Kajian rintis yang dijalankan terhadap sekelompok kecil individu Melayu-Islam di Kuala Lumpur ini tidaklah sebenarnya dapat menggambarkan secara keseluruhan situasi yang dialami oleh para pasangan yang berumah tangga di Malaysia.

Namun begitu, sedikit sebanyak ia dapat memberikan satu gambaran kecil bahawa sikap yang ditunjukkan semasa konflik berkemungkinan besar tidak akan membawa kepada berlakunya perceraian, walaupun diakui bahawa konflik paling banyak berlaku di awal-awal tahun perkahwinan. Maka dengan ini, kajian pada

masa akan datang perlulah dilakukan dengan lebih terperinci dan melibatkan bilangan responden yang lebih besar.

Pada masa yang sama, tidak dinafikan bahawa faktor-faktor budaya sememangnya mempengaruhi sikap seseorang ketika konflik berlaku. Nilai menjaga maruah atau air muka diri dan orang lain, adalah antara nilai yang sering ditekankan dalam Islam dan menjadi salah satu nilai utama yang diamalkan oleh orang Melayu.

Justeru, diharapkan sikap menjauhkan dan membina akan terus dapat dikekalkan demi kebahagiaan sesebuah perkahwinan, dan sekaligus dapat mengelakkan berlakunya perceraian.

Rujukan

- Afifi, T.D. & K. Hamrick. 2006. Communication Processes That Promote Risk and Resiliency in Post-Divorce Families. In: *Handbook of Divorce and Relationship Dissolution*, Fine, M. A. & J.H. Harvey, (Eds.), Routledge, NJ, pp: 435-456.
- Amato, P.R. & B. Hohmann-Marriott. 2007. A comparison of high-and low-distress marriage that end in divorce. *Journal of Marriage and Family*, 69: 621-638.
- Birditt, K.S., E. Brown, T.L. Orbuch & J.M. McIlvane. 2010. Marital conflict behaviors and implications for divorce over 16 years. *Journal of Marriage and Family*, 72: 1188-1204.
- Daneshpour, M., M.H. Asoodeh, S. Khalili, M.G. Lavasani & I. Dadras. 2011. Self-described happy couples and factors of successful marriage in Iran. *Journal of Systemic Therapies*, 30 (2): 43-64.
- Dew, J. 2008. Debt change and marital satisfaction change in recently married couples. *Family Relations*, 57: 60-71.
- Esere, M.O., Ake-Yeyeodu & C. Oladun. 2014. Obstacles and suggested solutions to effective communication in marriage as expressed by married adults in Kogi State, Nigeria. *Procedia – Social and Behavioral Sciences*, 114: 584-592.
- Igbo, H.I., R.G. Awopetu & O.C. Ekoja. 2015. Relationship between duration of marriage, personality trait, gender and conflict resolution strategies of spouses. *Procedia – Social and Behavioral Sciences*, 190: 490-496.

- Kamarudin, Z.B. 1993. A comparative study of divorce among Muslims and non-Muslims in Malaysia with special reference to the Federal Territory of Kuala Lumpur. Disertasi University College London. London.
- Kupperbusch, C., R.W. Levenson & R. Ebling. 2003. Predicting husbands'and wives' retirement satisfaction from the emotional qualities of marital interaction. *Journal of Social and Personal Relationships*, 20 (3): 335-354.
- Manap, J., A.C. Kassim, S. Hoesni, S. Nen, F. Idris & F. Ghazali. 2013. The purpose of marriage among single Malaysian youth. *Procedia – Social and Behavioral Sciences*, 82: 112-116.
- Oetzel, J.G. & S. Ting-Toomey. 2003. Face concerns in interpersonal conflict: A cross-cultural empirical test of the face negotiation theory. *Communication Research* , 30(6): 599-624..
- Onsy, E. & M.M. Amer. 2014. Attitudes toward seeking couples counseling among Egyptian couples: Towards a deeper understanding of common marital conflicts and marital satisfaction. *Procedia – Social and Behavioral Sciences*, 140: 470-475.
- Rasul, I. 2008. Household bargaining over fertility: Theory and evidence from Malaysia. *Journal of Development Economics*, 86: 215-241.
- Rose, R.C., W.R. Suppiah, J. Uli & J. Othman. 2007. A face concern approach to conflict management - A Malaysian perspective. *Journal of Social Sciences*, 2 (4): 121-126.
- Singapore Department of Statistics. 2014. Statistics on marriages and divorces: Reference year 2014. Ministry of Trade and Industry, Republic of Singapore.
- Su-Lyn, B. 2014. One divorce in Malaysia every 10 minutes.<http://www.themalaymailonline.com/malaysia/article/one-divorce-in-malaysia-every-10-minutes>. (Accessed on January 15, 2016)
- Tam, C.L., T.H. Lee, Y.C. Foo & Y.M. Lim. 2011. Communication skills, conflict tactics and mental health: A study of married and cohabitating couples in Malaysia. *Asian Social Science*, 7(6): 79-87.
- Ting-Toomey, S. 1988. Intercultural Conflicts: A Face-Negotiation Theory. In: *Theories in Intercultural Communication*, Y.Y. Kim & W.B. Gudykunst (Eds.), Sage, Newbury Park, CA, pp: 213–235.
- Umberson, D., K. Williams, D.A. Powers, M.D. Chen & A.M. Campbell. 2005. As good as it gets? A life course perspective on marital quality. *Soc Forces*, 84 (1): 493-511.
- VanLaningham, J., D.R. Johnson & P. Amato. 2001. Marital happiness, marital duration, and the U-shaped curve: Evidence from a five-wave panel study. *Social Forces*, 79 (4): 1313-1341.
- Whitton, S.W., S.M. Stanley, H.J. Markman & Johnson, C.A. 201. Attitude toward divorce, commitment, and divorce proneness in first marriages and remarriages. *Journal of Marriage and Family*, 75 (4): 276-287.
- Zainab, I., W.A. Wan-Ibrahim & H.A.R. Asyraf. 2014. Marital breakdown in Muslim community in Malaysia. *Middle-East Journal of Scientific Research*, 20 (11): 1440-1444.